

Pesanan Luqman al-Hakim Kepada Anaknya

Amar
Ma'ruf
Nahi
Munkar

A hand holding a yellow flag with Arabic calligraphy. The calligraphy on the flag reads: "الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر" (The command to do what is right and forbid what is wrong).

Disediakan Oleh: Mohd Yusof Arbain (PU Yusof)

Pesanan Luqman Kepada Anaknya

Firman Allah SWT

**Surah Luqman [31]
Juzuk 21, Ayat 17**

يَبْنِي أَقْبَرِ الصَّلَاةِ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَإِنِّهِ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan **suruhlah (manusia) berbuat kebaikan serta laranglah (manusia) daripada melakukan perbuatan yang mungkar** dan bersabarlah atas segala bala yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk dalam urusan-urusan yang diwajibkan”

Kepentingan Amar Ma`ruf Nahi Mungkar

1

Perintah Dari Allah SWT

Firman Allah SWT:

**Surah Ali `Imran
[3] Juzuk 4, Ayat
104**

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

“Hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Mereka yang bersikap sedemikian itulah orang yang berjaya”

مَنْ رَأَى مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ

Barangsiapa yang melihat kemungkaran, maka cegahlah dengan tangannya. Apabila belum mampu, maka cegahlah dengan lisannya. Apabila belum mampu, maka cegahlah dengan hatinya. Namun, yang demikian itulah selemah-lemahnya iman

Hadis Riwayat Muslim

2

Tugas Para Nabi & Rasul

Firman Allah SWT

**Surah al-Nahl [16]
Juzuk 14, Ayat 36**

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا

الطَّاغُوتَ^ط

“Sesungguhnya Kami telah mengutus pada setiap umat seorang rasul dengan perintah: Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut (syaitan dan apa sahaja yang disembah selain Allah)”

Para Rasul Menyeru Manusia

```
graph TD; A[Para Rasul Menyeru Manusia] --> B[Beribadah Kepada Allah]; A --> C[Menjauhi Taghut];
```

**Beribadah
Kepada
Allah**

**Menjauhi
Taghut**

3

**Salah Satu Sifat
Nabi Muhammad** 

Firman Allah SWT

**Surah al-A`raf [7]
Juzuk 9, Ayat 157**

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْنُوبًا
عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ
وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَاَلَّذِينَ
آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ

أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

“laitu orang yang mengikuti Rasul (Muhammad s.a.w) Nabi yang *ummiy (tidak tahu menulis dan membaca)* yang mereka dapati tercatat (nama dan sifat-sifatnya) di dalam Tawrat dan Injil yang ada di sisi mereka. **Dia menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka daripada melakukan yang mungkar** serta menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala yang buruk;di samping dia juga menghapuskan daripada mereka bebanan-bebanan dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikut cahaya (al-Qur`an) yang diturunkan kepadanya. Mereka itulah orang yang berjaya”

4

Kewajiban Yang Paling Penting Dalam Islam

*D*irwayatkan daripada Abu Ruqayyah Tamim bin Aus al-Dariy r.a.,
bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda:


الدِّينُ النَّصِيحَةُ. قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ، وَلِكِتَابِهِ،
وَلِرَسُولِهِ، وَلِأئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

Maksudnya: "Agama itu nasihat. Kami bertanya: 'Untuk siapa?' Baginda menjawab: 'Untuk Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin kaum Muslimin, dan bagi manusia umumnya.'"

(Riwayat Ahmad no. 16982, Muslim no. 55 dan Abu Daud no. 4944)

Jarir bin `Abdillah r.a berkata:

بَايَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَلَى إِقَامِ
الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالنُّصْحِ
لِكُلِّ مُسْلِمٍ

“Aku membai`ah Rasulullah
 *untuk mendirikan solat,
mengeluarkan zakat dan
menasihati setiap muslim”*

(Sahih: HR al-Bukhari)

5

**Menjaga
Keselamatan &
Kesejahteraan
Orang Lain**

مَثَلُ الْقَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا؛ كَمَثَلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا
عَلَى سَفِينَةٍ، فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلَاهَا، وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا، فَكَانَ
الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ،
فَقَالُوا: لَوْ أَنَّا خَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا خَرْقًا وَلَمْ نُؤَدِ مَنْ فَوْقَنَا، فَإِنْ
يَتْرُكُوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ
نَجَّوْا وَنَجَّوْا جَمِيعًا

“Perumpamaan orang yang mematuhi dan melanggar batas-batas Allah adalah seperti kaum yang mengundi untuk menentukan kedudukan masing-masing di dalam sebuah kapal. Sebahagian mereka mendapat tempat di bahagian atas dan sebahagian lagi di bahagian bawah...”

“Apabila mereka yang berada di bawah ingin mendapatkan air, mereka melalui tempat orang yang berada di bahagian atas, lalu mereka berkata (sesama mereka): “Kalau kita melubangi tempat kita (bahagian bawah), nescaya kita tidak akan mengganggu mereka yang berada di atas...?”

“Sekiranya mereka yang berada di atas membiarkan mereka yang berada di bawah melaksanakan cadangan mereka itu, maka kesemuanya akan binasa. Sekiranya mereka menghalangnya, maka kesemuanya akan terselamat”

(Sahih: HR al-Bukhari, at-Tirmizi, Ahmad dan al-Baihaqi)

6

**Menghidupkan
Hati**

Ibnu Mas`ud r.a berkata:

هَلَاكَ مَنْ لَمْ يَعْرِفْ قَلْبَهُ
الْمَعْرُوفَ، وَيُنْكِرُ قَلْبَهُ الْمُنْكَرَ

“Binasalah orang yang hatinya tidak mengetahui yang ma`ruf dan tidak mengingkari kemungkaran”

(Atsar Sahih: Riwayat al-Tabrani dalam *Mu`jam al-Kabir*)

7

Penyebab Munculnya Pertolongan Allah

Firman Allah SWT

**Surah al-Hijr [22]
Juzuk 17, Ayat 40-
41**

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١٦١﴾

“Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam). Sesungguhnya Allah Maha Kuat, Lagi Maha Perkasa”

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمْرًا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوُا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat dan **mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melanrang daripada melakukan kejahatan.** (Ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”

8

**Merupakan
Sedekah**

وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ صَادِقَهُ،
وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ صَادِقَهُ

*“Menyuruh berbuat ma`ruf
(kebaikan) adalah sedekah dan
mencegah dari kemungkaran
adalah sedekah”*

(Sahih: HR Muslim, Abu Daud dan Ahmad)



Menghindari Azab Allah SWT

Firman Allah SWT

**Surah al-Anfal [8]
Juzuk 9, Ayat 25**

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَأُنْصِبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

“Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di kalangan kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab-Nya”

إِن النَّاسَ إِذَا رَأَوْا الظَّالِمَ فَلَمْ
يَأْخُذُوا عَلَىٰ يَدَيْهِ أُوَشْكٰ أَنْ
يُعْزَمَهُمُ اللَّهُ بِعِقَابٍ

“Sesungguhnya manusia, apabila mereka melihat orang yang berbuat zalim (kemungkaran) tetapi tidak menghentikannya (mengubahnya), hampir sahaja Allah mengenakan azab kepada mereka semua”

(Sahih: HR Abu Daud)

10

**Allah Akan
Memberikan
Keselamatan**

Firman Allah SWT

**Surah al-A`raf [7]
Juzuk 5, Ayat 165**

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ أَنجَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ

وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا بَشِيرًا بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

“Maka tatkala mereka melupakan (tidak menghiraukan) apa yang telah diperingatkan kepada mereka, **Kami selamatkan orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu** dan Kami timpakan kepada orang yang zalim azab yang amat berat, disebabkan mereka berbuat fasiq”



Sifat Orang- Orang Mukmin Yang Sebenarnya

Firman Allah SWT

**Surah al-Tawbah
[9] Juzuk 10, Ayat
71**

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ
أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ



“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana”

Firman Allah SWT

**Surah al-Tawbah
[9] Juzuk 10, Ayat
112**

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِغُونَ
الرَّكَعُونَ السَّجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَالنَّكَاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ
وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

“Mereka itu ialah orang yang bertaubat, yang beribadah, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk tujuan kebaikan), yang ruku`, yang sujud, **yang menyuruh berbuat ma`ruf dan yang mencegah berbuat mungkar**, serta yang menjaga batas hukum-hakam Allah. Gembirakanlah orang yang beriman”

12

Ciri Generasi Terbaik

Firman Allah SWT

**Surah Ali `Imran
[3] Juzuk 4, Ayat
110**

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ
أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk umat manusia, (kerana) **kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji)**, serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman. Kalaulah Ahli Kitab itu beriman, tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang yang fasiq”

13

Jihad Yang Paling Utama

أَفْضَلُ الْجِهَادِ مَنْ قَالَ كَلِمَةَ حَقٍّ
عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ

“Jihad yang paling utama adalah orang yang mengucapkan perkataan yang haq (benar) kepada pemimpin yang zalim”

(Sahih: HR Ahmad)

14

Penyebab Dihapuskan Dosa

أَفْضَلُ الْجِهَادِ مَنْ قَالَ كَلِمَةَ حَقٍّ
عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ

“Fitnah (ujian) seseorang dalam keluarganya, hartanya, anaknya dan jirannya dapat dihapuskan oleh solat, sedekah dan amar ma`ruf nahi mungkar”

(Sahih: HR Al-Bukhari)

15

Sebaik-Baik Perkataan

Firman Allah SWT

**Surah Fussilat [41]
Juzuk 24, Ayat 33**

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ

إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٢﴾

“Tidak ada seorang pun yang lebih baik perkataannya daripada **seorang yang menyeru kepada Allah** serta dia sendiri mengerjakan amal salih, sambil berkata: “Sesungguhnya aku tergolong di kalangan orang Islam (yang patuh kepada Allah)”

**Kesan Meninggalkan
Amar Ma`ruf Nahi
Mungkar**

1

Mendapat Laknat Allah SWT

Firman Allah SWT

**Surah al-Maidah [5]
Juzuk 6, Ayat 78-79**

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ
دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا
يَعْتَدُونَ

“Orang kafir daripada Bani Isra`el telah dilaknat melalui lidah (doa) Nabi Dawud dan Nabi `Isa Ibn Maryam. Demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu melampaui batas”

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ

مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

“Mereka antara satu sama lain tidak pernah menegah tindakan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan”

2

Mendapat Celaan & Kehinaan

Firman Allah SWT

**Surah al-Maidah [5]
Juzuk 6, Ayat 63**

لَوْلَا يَنْهَاهُمُ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ

السُّخْتِ لَيَسَّ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

“Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendeta-pendeta mereka melarang mereka daripada mengucap perkataan-perkataan yang dusta dan daripada memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan”

3

**Bertambah
Banyak
Kerosakan**

Firman Allah SWT

**Surah Ar-Rum [30]
Juzuk 21, Ayat 41**

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

“Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)

4

**Diturunkan
Musibah**

Firman Allah SWT

**Surah Al-Nahl [16]
Juzuk 14, Ayat 112**

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا
رِزْقُهَا رَغَدًا مِّنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا
اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿١١٤﴾

“Allah memberikan satu perumpamaan: sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezeki yang mewah dari serata pelosok, kemudian penduduknya kufur ni`mat-ni`mat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan (yang meliputi keseluruhannya) disebabkan apa yang mereka telah lakukan”



**Tidak Dikabulkan
Doa**

وَالَّذِي نَفْسِي - بِيَدِهِ لَتَأْمُرَنَّ بِالْمَعْرُوفِ
وَلَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ أُوْلَئِكَ كَانُوا لَدَيْ اللَّهِ عَازِلِينَ
وَجَلَّ أَنْ يَنْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِنْ عِنْدِهِ بِمَا
تَدْعُونَهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ

“Demi Rabb yang diriku berada di tangan-Nya. Hendaklah kamu menyuruh yang ma`ruf dan mencegah yang mungkar atau (jika kamu tidak melakukannya) hampir sahaja Allah menurunkan siksaan-Nya kepada kamu. Kemudian kamu berdoa kepada-Nya, namun doa kamu tidak dikabulkan ”

(Hasan: HR Ahmad)